

08 MAY 1998

## M'SIA BERPOTENSI SEDIAKAN PERKHIDMATAN LOGISTIK LAJU SERANTAU

Oleh: Arshi Mohd Daud

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Malaysia mempunyai potensi untuk menawarkan perkhidmatan logistik laju yang berwibawa kepada rantau ini jika syarikat pengangkutan yang berselerakan ketika ini boleh disepadukan, kata seorang eksekutif industri pengangkutan Singapura.

Jika tidak kerana pergolakan ekonomi dan matawang serantau ketika ini, Malaysia akan mempunyai syarikat logistik bersepadu penuh sendiri, di mana operasi logistik utama seperti pengangkutan menggunakan trak, pengangkutan barang dan syarikat perkapalan akan digabungkan di bawah satu kumpulan yang stabil, kata Zulkifli Baharuddin, pengarah eksekutif dan pengurus besar Concorde Express (CE) Logistics (Asia) Pte Ltd yang berpangkalan di Singapura.

"Usaha-usaha yang dibuat oleh pengerusi Konsortium Perkapalan Bhd, Mirzan Mahathir, akan menghasilkan operasi logistik Malaysia sebenar....sebuah syarikat yang akan memainkan peranan sangat besar kepada Malaysia dan pastinya rantau ini," kata Zulkifli kepada Bernama dalam satu temubual baru-baru di Brussels, Belgium. Beliau berada di ibu negara Belgium itu untuk menghadiri perasmian TNT, pusat kegiatan udara Eropah baru di Liege.

Bagaimanapun, kegawatan matawang serantau memaksa Mirzan menjual hampir semua pegangan perkapalan Konsortium Perkapalan kepada Malaysian Shipping Corporation Bhd (MISC).

Bagaimanapun, Zulkifli merasakan penjualan pegangan perkapalan Konsortium Perkapalan itu tidak akan melunturkan hasrat untuk pengukuhan industri pengangkutan Malaysia kerana lambat laun pasti ada individu yang mendapati bahawa ia adalah suatu usaha yang boleh diterima akal untuk menggabungkan semua sektor bagi menyediakan sekurang-kurangnya operasi Pan-Malaysia.

"Apa yang pasti akan muncul adalah syarikat tulen Malaysia yang mempunyai keupayaan untuk membekalkan 100 peratus kelengkapan logistik dan kemudiannya menjadi peserta serantau atau global," tambahnya.

Beliau menyatakan jika perbadanan besar tempatan seperti Penerbangan Malaysia (MAS), MISC dan Keretapi Tanah Melayu Bhd dapat mengambil kesempatan prasarana antara satu sama lain, mereka sekurang-kurangnya boleh menawarkan operasi logistik serantau yang kukuh.

"Malaysia mempunyai rangkaian jalan udara dan jalan raya yang mantap serta prasarana keretapi yang baik tetapi persepaduan kemudahan prasarana ini tidak diterokai sepenuhnya," kata Zulkifli, yang juga Anggota Parlimen yang dilantik di Singapura.

Mengenai Penerbangan Malaysia, beliau berkata, "Mungkin atas alasan-alasan ketelusan, ia tidak menceburi bidang perniagaan penghantaran kerana tidak mahu mencetuskan sebarang percanggahan kepentingan.

"Bagaimanapun Penerbangan Malaysia boleh bekerjasama dengan syarikat lain untuk membolehkan mereka memasuki rangkaian dalam negeri dan globalnya."

Bagi sejumlah besar syarikat pengedaran kecil, survival masa depan mereka akan bergantung kepada tindak balas mereka terhadap keperluan penggabungan atau pakatan strategik dengan syarikat-syarikat besar tempatan dan antarabangsa.

"Mereka tidak boleh melakukannya sendiri. Malahan bagi rangkaian pan-serantau, contohnya bagi keseluruhan Asia Pasifik, anda masih memerlukan 50 hingga 100 pejabat di seluruh rantau ini di mana ia sangat

sukar untuk dilakukan melainkan anda memanfaatkan terhadap kemudahan lain yang sedia ada."

Beliau berkata memandangkan kini lebih banyak syarikat pengeluaran Asia yang mula menjadi pemain global, ia menyebabkan syarikat multinasional terpaksa melihat kepada penyelesaian global dalam mendapatkan bekalan dan alat-alat ganti mereka.

"Oleh itu pengusaha penghantaran cepat seperti TNT, DHL, UPS akan mempunyai peranan yang lebih besar dan jalan yang terbuka bagi mereka adalah menerusi hubungan kerjasama dengan syarikat tempatan sebagai sebahagian daripada satu struktur global," jelas Zulkifli.

Concord Express, yang mempunyai operasi di Malaysia dan dimiliki 49 peratus oleh Bumiputera, menawarkan operasi penghantaran barangan laut, udara dan darat. Ia adalah anggota Hi-Tech Forwarder Network dan mempunyai 100 pejabat di seluruh dunia. Di Singapura sahaja, ia menghantar hampir 2.0 juta kilogram barangan sebulan. -- BERNAMA

AD ZK MA